



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 1982

UJIAN MENAIP BAGI PEGAWAI KERANI AM DAN PEGAWAI KERANI RENDAH DALAM PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

1. Tujuan Pekeliling

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan tentang pengwujudan suatu peraturan baru mengenai perkara ujian menaip bagi Pegawai Kerani Am dan Kerani Rendah di dalam Perkhidmatan Gunasama Persekutuan.

2. Ujian Menaip Perlaksanaan Lama

2.1 Sebagaimana juga dengan lain-lain jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan, semua Pegawai Kerani Am dan Pegawai Kerani Rendah dalam perkhidmatan Gunasama Persekutuan adalah disyaratkan mengambil Ujian Kederasan Menaip mengikut Sukatan Peperiksaan bagi maksud untuk pengesahan dalam jawatan. Pada masa ini Cawangan Peperiksaan. Bahagian perkhidmatan. Jabatan Perkhidmatan Awam adalah mengendalikan Peperiksaan Perkhidmatan Bahagian 2 dan 3 bagi kedua-dua jawatan tersebut. Sementara peperiksaan Bahagian I (Ujian Menaip) adalah dikendalikan oleh pihak Jabatan.

3. Perlaksanaan Baru

3.1 Adalah didapati bahawa sistem ini tidak berjalan dengan begitu lancar oleh kerana adanya masalah-masalah dan ketidak seragaman cara peperiksaan Ujian Menaip dijalankan. Oleh yang demikian, Jabatan ini telah menetapkan supaya peperiksaan Ujian Menaip bagi kedua-dua jawatan ini diadakan selepas tamat peperiksaan bertulis. Sebagai contoh Peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Pegawai Kerani Am kali yang kedua untuk tahun 1982 yang akan diadakan pada 8hb - 10hb November, 1982 akan diikuti dengan Ujian Menaip pada 11hb November, 1982. Begitu juga dengan Peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Pegawai Kerani Rendah kali yang kedua bagi tahun 1982 yang akan diadakan pada 7hb-8hb September, 1982 maka Ujian Menaip baginya akan diadakan pada 9hb September, 1982. Tarikh-tarikh peperiksaan bagi tahun 1983 dan tarikh-tarikh seterusnya akan ditetapkan kelak melalui Takwin Peperiksaan Tahunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa. Ujian hendaklah dijalankan oleh Ketua Pejabat di mana seseorang calon itu berkhidmat.

4. Skrip Rencana Menaip

4.1 Skrip rencana Ujian Menaip akan disediakan dan diedarkan kepada semua Jabatan yang terlibat oleh Urusetia Peperiksaan di Jabatan Perkhidmatan Awam. Pihak Jabatan adalah diminta supaya menguruskan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Menyediakan Dewan Peperiksaan serta kemudahan-kemudahan menaip bagi pegawai-pegawai;
- (b) Mengadakan seorang Ketua Pengawas dan sekurang-kurangnya seorang Pengawas bagi

mengawasi perjalanan peperiksaan;

- (c) Panel Peperiksaan Jabatan hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa bagi memeriksa skrip taipan calon. Cara-Cara memeriksa skrip taipan hendaklah berpandukan kepada "Panduan Bagi Memeriksa Peperiksaan Ujian Kederasan dan Ujian Kecekapan Bagi Jurutaip" yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam;
- (d) Semua keputusan yang ditetapkan oleh Panel Peperiksaan Ujian Menaip hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam bersama-sama dengan skrip taipan Calon yang telah diperiksa. Pengeluaran keputusan akan dibuat oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam secara keseluruhan bagi semua calon yang terlibat.

5. Tarikh Kuatkuasa

- 5.1 Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

6. Masalah Berbangkit

- 6.1 Sekiranya terdapat apa-apa masalah dalam menjalankan perkara-perkara yang ditetapkan di atas silalah hubungi Urusetia Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD NOORANI BIN KAMARUN)
*Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

1hb Jun, 1982.
Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,

s.k.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.